**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **163 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **56,673 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di daerah Kota Kinabalu dan Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga terlibat

2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 90 menjadikan jumlah kumulatif 55,084 orang. Seramai 920 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 287 orang di hospital dan 633 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 52 orang dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated).*

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:




| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| TAWAU | 95 | 1 |
| LAHAD DATU | 25 | 0 |
| SANDAKAN | 13 | 0 |
| KOTA KINABALU | 7 | 1 |
| PUTATAN | 6 | 0 |
| KALABAKAN | 5 | 0 |
| TUARAN | 4 | 0 |
| KINABATANGAN | 3 | 0 |
| KENINGAU | 1 | 0 |
| PAPAR | 1 | 0 |
| NABAWAN | 1 | 0 |
| SEMPORNA | 1 | 0 |
| BEAUFORT | 1 | 0 |
| KOTA BELUD | 0 | 0 |
| KUNAK | 0 | 0 |
| PENAMPANG | 0 | 0 |
| KUDAT | 0 | 0 |
| RANAU | 0 | 0 |
| SIPITANG | 0 | 0 |
| PITAS | 0 | 0 |
| TAMBUNAN | 0 | 0 |
| TENOM | 0 | 0 |
| KOTA MARUDU | 0 | 0 |
| BELURAN | 0 | 0 |
| TELUPID | 0 | 0 |
| KUALA PENYU | 0 | 0 |
| TONGOD | 0 | 0 |
| JUMLAH | 163 KES | 02 KES |

Daerah Keningau berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lima (5) daerah
- Zon Jingga tiga (3) daerah
- Zon Kuning 13 daerah
- Zon Hijau enam (6) daerah

5 Terdapat **dua (2) kluster** baharu direkodkan hari ini.

i **Kluster Bukit Quoin** di Tawau melibatkan kluster di Mukim Balung yang mencatat tujuh (7) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 11 kes. Kes indeks merupakan Pembantu Pertanian di Stesen Penyelidikan Pertanian Bukit Quoin yang disahkan positif COVID-19 hasil saringan bergejala pada 01 April 2021. Saringan tempat kerja dan kontak rapat setakat ini mengesan 11 kes termasuk tiga (3) pekerja di stesen berkenaan. Aktiviti pengesanan kontak rapat dan punca jangkitan masih giat dijalankan.

ii **Kluster Jalan Damai** Tawau melibatkan Mukim Sri Tanjung yang merekodkan tiga (3) kes baharu menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 14 kes. Kes indeks merupakan Juruaudit di syarikat percukaian yang dikesan positif COVID-19 melalui saringan bergejala pada 11 April 2021. Jangkitan kemudiannya menular di sebuah premis agensi Kerajaan Pusat di Tawau melalui adik kepada kes indeks yang telah disahkan positif pada 14 April 2021. Saringan kontak rapat mendapati 12 lagi kes positif termasuk empat (4) kes rakan sekerja di agensi terbabit. Aktiviti pengesanan kontak rapat dan punca jangkitan masih dilaksanakan.

6 Daripada 163 kes positif COVID-19, sebanyak 66 kes (40.5%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 18 kes (11.1%) saringan bergejala, 70 kes (42.9%) dari kluster baharu dan sedia ada serta sembilan (9) kes (5.5%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,989 unit

- Hospital 461 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,008 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 23.06%.

## B PENAMATAN PKP DI DAERAH KENINGAU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Daerah Keningau yang dijadualkan tamat pada 18 April 2021.

2 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan baki kes aktif di daerah ini menunjukkan trend penurunan dan kluster adalah terkawal.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKP di Daerah Keningau, Sabah pada 18 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## C PENAMATAN PKPD KAMPUNG PAGALUNGAN ANSIP, KENINGAU

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Pagalungan Ansip, Keningau yang dijadualkan tamat pada 18 April 2021.

2 KKM juga mengesahkan baki kes aktif menunjukkan penurunan, kluster adalah terkawal serta tiada lagi sampel saringan yang sedang menunggu keputusan.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Pagalungan Ansip, Keningau pada 18 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## D PENAMATAN PKPD KAMPUNG KALINDUKAN, NABAWAN

1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Kalindukan, Nabawan yang dijadualkan tamat pada 18 April 2021.

2 KKM turut mengesahkan baki kes aktif menunjukkan penurunan dan kesemua kes positif telah menerima rawatan serta kontak rapat telah diasingkan.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk menamatkan PKPD di Kampung Kalindukan, Nabawan pada 18 April 2021 seperti yang dijadualkan selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

## E PELANJUTAN PKPD BAGI SELURUH KAMPUS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS), KOTA KINABALU

1 Sehingga kini, KKM telah melaksanakan 4,524 ujian saringan dan daripada jumlah itu sebanyak 28 kes positif COVID-19 telah direkodkan di lokaliti ini.

2 KKM melaporkan masih berlaku penularan jangkitan secara berterusan dalam kalangan penghuni asrama tersebut serta terdapat sejumlah 1,956 sampel saringan yang belum mendapat keputusan.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melanjutkan PKPD bagi seluruh Kampus UMS, Kota Kinabalu bermula dari 19 April hingga 2 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

**F PKPD SEKOLAH MENENGAH AGAMA, KOTA KINABALU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Sekolah Menengah Agama, Kota Kinabalu.

2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP, **Kerajaan Negeri bersetuju untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Sekolah Menengah Agama, Kota Kinabalu bermula 18 April sehingga 1 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memudahkan KKM melaksanakan saringan secara bersasar ke atas semua yang terlibat dan seterusnya mengekang penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

**G PKPD 3 LOKALITI DI LAHAD DATU**

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID 19 di Lahad Datu yang melibatkan:

- Kampung Bikang
- Kampung Kadumu
- Taman Khazanah Indah

2 Sehingga kini, secara kumulatif sebanyak 13 kes positif COVID-19 telah direkodkan yang melibatkan ketiga-tiga lokaliti ini. KKM mengesahkan telah berlaku penularan jangkitan COVID-19 di lokaliti dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi.

3 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di ketiga-tiga lokaliti seperti yang dinyatakan bermula dari 18 April hingga 1 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

4 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan pergerakan penduduk di lokaliti ini dapat dikawal bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

## H PKPD DI 3 TAMAN PERUMAHAN DI DAERAH TAWAU

1 Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) hari ini melaporkan situasi kes COVID 19 di Daerah Tawau yang melibatkan:

- Taman Hilltop
- Taman Bukit Bintang
- Taman Berkley

2 Setelah membuat penilaian risiko bersama pelbagai agensi dalam Jawatankuasa Teknikal PKP dan atas nasihat KKM, **Kerajaan Negeri bersetuju melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di ketiga-tiga taman perumahan seperti yang dinyatakan bermula dari 18 April hingga 1 Mei 2021 selaras dengan keputusan Kerajaan Persekutuan.**

3 Pelaksanaan PKPD ini untuk memastikan pergerakan penduduk di lokaliti ini dapat dikawal bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 ke komuniti luar.

## I SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN

SOP Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Bagi Seluruh Daerah Sandakan adalah seperti di **LAMPIRAN A**

## J SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIMPANG 3A MEROTAI BESAR , TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di Kg Simpang 3A Merotai Besar , Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN B**

## K SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN TAWAU LAMA DAN KG BATU PAYUNG, TAWAU

SOP Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Di Tmn Tawau Lama dan Kg Batu Payung, Tawau adalah seperti di **LAMPIRAN C**

## L STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat ini, seramai **384** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **50,751** orang.

2 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **36** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **41,877** orang.

3 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **4,306** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **423,817** (mysejahtera 388,569 : laman web 35,008 : talian vaksinasi 240) bersamaan 14.5%.

## M BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **306,648** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

**N LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

1 Sejumlah 58 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 20,222 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 146 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 68 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

2 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.

- Tawau empat (4) orang
  - Dua (2) orang : Rentas daerah atau negeri tanpa kebenaran.
  - Dua (2) orang : Premis beroperasi lebih masa tanpa kebenaran.

- Papar satu (1) orang
  - Tiada penjarakan sosial.

3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 98 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.

4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 340 lokasi melibatkan seramai 195 anggota APM.

5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukrelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 56 anggota di 60 lokasi.

6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Kinabatangan dan Sandakan.

7 Sejumlah 39 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tujuh (7) daerah pada hari ini.

8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 205 hebahan di seluruh Sabah.

## O KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97.2%.** Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH | PERATUS |
|---|---|---|
| 1 | Kota Marudu | 98% |
| 2 | Sipitang | 98% |
| 3 | Beluran | 98% |
| 4 | Penampang | 98% |
| 5 | Ranau | 98% |
| 6 | Tuaran | 97% |
| 7 | Beaufort | 97% |
| 8 | Papar | 97% |
| 9 | Kinabatangan | 97% |
| 10 | Tenom | 97% |
| 11 | Kudat | 97% |
| 12 | Kota Belud | 97% |
| 13 | Kota Kinabalu | 97% |
| 14 | Kunak | 97% |
| 15 | Keningau | 97% |
| 16 | Lahad Datu | 97% |
| 17 | Semporna | 96.5% |
| 18 | Sandakan | 96% |
| 19 | Tawau | 96% |

2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**17 APRIL 2021**

**LAMPIRAN A**

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawasan Yang Terlibat** | • Seluruh Daerah Sandakan, Sabah. |
| **Tempoh Berkuatkuasa** | **17 April 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 30 April 2021 (11.59 malam)** |
| **Kawalan Pergerakan** | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.<br>• Laluan keluar masuk **rentas daerah ditutup** dan dikawal kemasukan oleh PDRM.<br>• Pergerakan merentas daerah adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali bagi **kes kecemasan** seperti kematian atau bencana alam. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | • Semua penduduk di dalam kawasan PKP **TIDAK DIBENARKAN** keluar dari kediaman / tempat tinggal masing-masing kecuali:<br>**(a)** **Dua (2) orang sahaja** wakil isi rumah dibenarkan keluar hanya untuk **mendapatkan bekalan makanan, ubat, penokok diet dan keperluan asas dalam radius tidak melebihi 10 kilometer dari kediamannya** atau ke tempat paling hampir dengan kediamannya sekiranya bekalan keperluan tersebut tiada di dalam radius 10 kilometer dari kediamannya; dan<br>**(b)** **Maksimum tiga (3) orang sahaja termasuk pesakit dibenarkan keluar untuk mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan dalam radius tidak melebihi 10 kilometer dari kediamannya** atau ke tempat paling hampir dengan kediamannya sekiranya perkhidmatan kesihatan atau perubatan tersebut tiada dalam radius 10 kilometer dari kediamannya.<br>• Pergerakan pensyarah/guru/tenaga pengajar bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran kelas-kelas yang terlibat dalam peperiksaan **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.<br>• Pergerakan bagi kemasukan pelajar-pelajar ke asrama bagi kelas-kelas peperiksaan yang ditetapkan oleh KPM dan KPT adalah **DIBENARKAN** dengan pengesahan daripada KPM dan KPT.<br>• Pelajar yang berkeperluan perlu mendapatkan surat kebenaran pergerakan bagi merentas negeri atau daerah untuk pulang ke kampus dari IPT berkenaan. |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Kawalan Pergerakan** | • Pergerakan merentas daerah bagi pekerja perkhidmatan perlu (*essential services*) bagi tujuan pergi dan balik dari tempat kerja atau menjalankan urusan rasmi adalah **DIBENARKAN** dengan syarat **menunjukkan pas kerja** atau **surat kebenaran daripada majikan.**<br>• Kenderaan perdagangan yang membawa barangan perkhidmatan perlu (*essential services*) **DIBENARKAN** bergerak merentas daerah dengan pemakaian pelitup muka. Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan ini bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan tersebut.<br>• Perkhidmatan pengangkutan awam merentas daerah seperti bas ekspres **TIDAK DIBENARKAN beroperasi.**<br>• Perkhidmatan pengangkutan awam dalam daerah yang sama adalah **DIBENARKAN** dari jam **5.00 pagi hingga 8.00** malam dengan pematuhan penjarakan fizikal di dalam kenderaan tersebut serta pemakaian pelitup muka seperti berikut:<br>(a) Perkhidmatan bas henti-henti dan bas sekolah dalam daerah dengan **kapasiti 50% penumpang**;<br>(b) Perkhidmatan teksi / *e-hailing* dalam daerah **(maksimum hanya 2 penumpang)** |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKP** | • Kegiatan berkaitan sektor ekonomi perkhidmatan perlu (*essential services*) dan rantaiannya merangkumi pertanian, perikanan, penternakan, perladangan, industri dan perniagaan adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP yang telah ditetapkan.<br>• Aktiviti pembekalan atau penjualan makanan di restoran, *café*, kedai makan, gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja dan medan selera hanya **DIBENARKAN** beroperasi secara **bawa pulang (*take away*) atau pandu lalu** sahaja bermula dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. ***Dine in* TIDAK DIBENARKAN**.<br>• Perkhidmatan penghantaran (*delivery*) makanan **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Kedai runcit, kedai serbaneka (*convenience store*), pasaraya mini (*mini market*) dan pasaraya (*hypermarket*) **DIBENARKAN** beroperasi antara jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Stesen minyak **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 17 April 2021

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Dalam Kawasan PKP** | • Pasar borong **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 12.01 pagi hingga 6.00 pagi.<br>• Pasar harian **DIBENARKAN** beroperasi dari jam 6.00 pagi hingga 2.00 petang.<br>• Operasi pasar malam, pasar tamu dan pasar tani adalah **TIDAK DIBENARKAN.**<br>• Operasi hotel dan penginapan **DIBENARKAN** tetapi tetamu perlu berada dalam bilik penginapan dan tempahan makanan secara *room service*. Aktiviti seperti penggunaan kemudahan penginapan seperti gimnasium, kolam renang, dewan makan, bilik seminar dan lain-lain tidak dibenarkan.<br>• Taska, tadika dan pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar **DIBENARKAN** beroperasi.<br>• Aktiviti beriadah dengan anggota isi rumah sahaja **DIBENARKAN** seperti jogging tidak lebih daripada dua (2) orang hanya di dalam kawasan kejiranan sahaja dan berbasikal secara bersendirian tidak melebihi 10 km dari tempat kediaman adalah **DIBENARKAN.** |
| **Perkhidmatan Perubatan / Kesihatan** | • Hospital, klinik Kerajaan / swasta dan makmal perubatan serta klinik haiwan boleh beroperasi sehingga 24 jam atau mengikut lesen kebenaran beroperasi.<br>• Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan boleh beroperasi mulai jam 6.00 pagi hingga 8.00 malam. |



# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

Dikemaskini pada 17 April 2021

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Aktiviti Keagamaan** | • Semua aktiviti keagamaan di rumah ibadat adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali;<br>(a) Masjid dan Surau hanya **DIBENARKAN** untuk mengumandangkan azan. Kebenaran solat dan bilangan jemaah adalah ditentukan oleh Pejabat Mufti Negeri Sabah dari semasa ke semasa.<br>(b) Hanya 5 orang sahaja **DIBENARKAN** untuk aktiviti keagamaan di rumah ibadat bukan Islam.<br>(c) Aktiviti keagamaan secara *on-line* adalah digalakkan. |
| **Lain-lain Aktiviti** | • Semua aktiviti selain daripada yang tersenarai dalam senarai **perkhidmatan perlu (*essential services*) dan rantaiannya** adalah **TIDAK DIBENARKAN**. |
| **Permohonan Pengecualian** | • Sebarang permohonan pengecualian hendaklah melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19) dan dirujuk kepada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara: Pengurusan COVID-19.<br>• Sebarang permohonan berkaitan tempoh masa pengoperasian aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu (*essential services*) sebagaimana yang disenaraikan hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (COVID-19). |

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** |
| **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** | | |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (*Negative List*)** | |
| **Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial, Pelancongan dan Budaya** | Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial, pelancongan dan budaya adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Aktiviti hiburan termasuk pub, kelab malam, pameran dan panggung wayang juga **TIDAK DIBENARKAN**. Taman awam adalah **DITUTUP**.<br><br>Majlis sosial dan keramaian seperti kenduri-kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, *reunion*, *retreat* dan lain-lain majlis sosial adalah **TIDAK DIBENARKAN**. |
| **Pendidikan dan Sosial** | • Sekolah dan pusat tahfiz *(kecuali yang menduduki peperiksaan yang ditetapkan oleh Kerajaan)* **DITUTUP** dalam tempoh ini<br>• Pusat rekreasi, *indoor & outdoor playground* **DITUTUP**. |
| **Seminar / Bengkel / Persidangan** | Semua Seminar / Bengkel / Kursus / Latihan / Persidangan / Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* **TIDAK DIBENARKAN**. |
| **Mesyuarat** | Mesyuarat diadakan secara sidang video. Mesyuarat bersemuka **TIDAK DIBENARKAN**. |
| **Lain-lain** | Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br><br>Lain-lain perkara yang diputuskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. |



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

**(Hanya 30% kehadiran dari kumpulan pengurusan manakala jumlah pekerja ditentukan oleh majikan dengan memastikan amalan penjarakan fizikal dan protokol kesihatan awam dapat dilaksanakan di tempat kerja )**

**Pengilangan:**

1. Aeroangkasa (komponen dan *maintenance, repair and overhaul* (MRO));
2. Automotif (kenderaan dan komponen);
3. Makanan, minuman dan rantaiannya;
4. Pembungkusan dan percetakan;
5. Produk barangan rumah, barang penjagaan diri (FMCG - sabun, pembersih diri dan lain-lain) dan bahan pencuci termasuk rantaiannya;
6. Penjagaan kesihatan dan perubatan termasuk penokok diet;
7. Peralatan perlindungan peribadi (PPE) dan peralatan keselamatan kebakaran;
8. Komponen untuk alat perubatan;
9. Elektrikal dan elektronik;
10. Minyak dan gas (*Oil and Gas)*;
11. Petrokimia dan produk petrokimia;
12. Produk kimia;
13. Mesin dan peralatan;
14. Seramik (seramik sebagai acuan bagi pembuatan sarung tangan);
15. Besi dan keluli;
16. Tekstil yang melibatkan pengeluaran PPE sahaja;
17. Sektor perabot; dan
18. Pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pembekalan dan pengagihan bahan api dan pelincir.

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

**Pembinaan**

19. Pembinaan:
    i. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kritikal;
    ii. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur awam yang utama; dan
    iii. Kerja-kerja pembinaan bangunan yang menyediakan penginapan pekerja yang lengkap di tapak bina atau pekerja yang ditempatkan di Kuarters Pekerja Berpusat (CLQ).

**Perkhidmatan**

20. Automotif (pembaikan dan penyelenggaraan);
21. Perkhidmatan Kewangan dan rantaiannya:
    i. Institusi Kewangan (Perbankan, Insurans, Takaful dan entiti-entiti lain yang dilesen, diilulus atau didaftar oleh Bank Negara Malaysia); dan
    ii. Entiti-entiti pasaran modal yang dilesen, didaftar atau dikawalselia oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
22. Perkhidmatan perbandaran dan kerajaan tempatan:
    i. Pajak gadai/kredit komuniti (syarikat peminjam wang berlesen);
    ii. Pengurusan sisa pepejal/ pembetungan;
    iii. Pembersihan awam; dan
    iv. Pembersihan premis dan sanitasi.
23. Infrastuktur telekomunikasi dan digital termasuk perkhidmatan ICT dan perkhidmatan perniagaan global (GBS);
24. E-Dagang dan rantaiannya termasuk perkhidmatan *e-marketplace*, pembayaran digital dan pusat internet e-dagang setempat;



## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Dikemaskini pada 17 April 2021**

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

**Perkhidmatan**

25. Hotel dan penginapan;
26. Sektor pertanian, perikanan dan penternakan termasuk perkhidmatan veterinar:
    i. Pengurusan ladang/ sarang burung walit/ kuda/ loji pemprosesan haiwan/ rumah sembelihan/ ternakan/ kilang makanan haiwan ternakan/pembekal spt vaksin/pengurusan ternakan/kedai haiwan kesayangan (operasi pemindahan ternakan adalah pada waktu malam);
    ii. Kawalan penyakit dan dikawalselia pengeluaran ternakan hidup, input ternakan dan produk berkaitan industri ternakan (termasuk eksport dan import); dan
    iii. Pengurusan kesihatan, diagnosa penyakit dan rawatan haiwan.
27. Utiliti (air dan tenaga);
28. Perkhidmatan profesional (termasuk akauntan/ peguam/ auditor/ jurutera/ arkitek), saintifik (termasuk R&D) dan teknikal (termasuk penyenggaraan);
29. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (*Security Services*);
30. Keselamatan dan Pertahanan;
31. Perkhidmatan kehakiman dan perundangan;
32. Pengangkutan melalui darat, air atau udara; dan
33. Perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan, limbungan dan lapangan terbang, termasuk pemunggahan dan pemindahan kargo, pemaliman, penyimpanan atau pemukalan komoditi.

Dikemaskini pada 17 April 2021

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BAGI SELURUH DAERAH SANDAKAN, SABAH

**Aktiviti dibenarkan**

- Aktiviti ekonomi perkhidmatan perlu & rantaiannya.
- Membeli / mendapatkan barang-barang atau perkhidmatan perlu.
- Mendapatkan rawatan kesihatan & perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan urusan kehakiman.

**Aktiviti tidak dibenarkan**

- Pergerakan rentas daerah dan rentas negeri dalam kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.
- Pergerakan keluar dan masuk kawasan PKP tanpa kebenaran PDRM.

**Arahan tetap**

- Peraturan 16 P.U. (A) 96/2021
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan dan peraturan di bawah PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## SENARAI PERKHIDMATAN PERLU (*ESSENTIAL SERVICES*)

**Perdagangan Pengedaran**

34. Penggudangan dan Logistik;
35. Perkhidmatan/ Penjualan/ Penghantaran Makanan dan Minuman; dan
36. Peruncitan/ Pengedaran/ Pemborongan.

**Perladangan dan Komoditi**

37. Pertanian, perikanan dan penternakan serta rantaiannya; dan
38. Perladangan dan komoditi serta rantaiannya.

**Lain - Lain**

39. Apa-apa perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri Kesihatan selepas berunding dengan pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan, kerja, industri dan perniagaan itu.

**LAMPIRAN B**

Dikemaskini pada 17 April 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIMPANG 3A MEROTAI BESAR , TAWAU, SABAH.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | Kg. Simpang 3A Merotai, Tawau, Sabah. |
| Tempoh Berkuatkuasa | 16 April 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 29 April 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |

1

Dikemaskini pada 17 April 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIMPANG 3A MEROTAI BESAR , TAWAU, SABAH

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |

**Aktiviti dibenarkan**
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

**Aktiviti tidak dibenarkan**
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

**Arahan tetap**
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

2

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KG SIMPANG 3A MEROTAI BESAR , TAWAU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### Aktiviti dibenarkan
- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap
- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |

**LAMPIRAN C**

Dikemaskini pada 17 April 2021

## SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN TAWAU LAMA DAN KG BATU PAYUNG, TAWAU, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | • Tmn. Tawau Lama dan Kg. Batu Payung, Tawau, SABAH |
| Tempoh Berkuatkuasa | 17 April 2021 (mulai 12.00 pagi) sehingga 30 April 2021 (11.59 malam) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APMM, APM & RELA.<br>• Semua laluan keluar masuk kawasan PKPD ditutup. |



Dikemaskini pada 17 April 2021

SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN TAWAU LAMA DAN KG BATU PAYUNG, TAWAU, SABAH

Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam

Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas

Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat

Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • Semua penduduk di kawasan terlibat tidak dibenarkan keluar daripada rumah / kediaman masing-masing. Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) sahaja dan menjalankan tugas rasmi Kerajaan dengan surat pengesahan daripada majikan atau pas pekerja yang sah serta mendapat kelulusan dari PDRM.<br>• Pengecualian hanya diberikan kepada seorang **(1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk membeli barang keperluan di kedai runcit dalam kawasan PKPD.<br>• Semua sektor ekonomi tidak dibenarkan beroperasi kecuali: |

| Bil. | Premis Perniagaan | Masa Beroperasi |
|---|---|---|
| 1. | Kedai Runcit / Mini Market | 6.00 pagi hingga 6.00 petang |
| 2. | Pasar / Pasar bergerak | 6.00 pagi hingga 2.00 petang<br>**Dua (2) kali seminggu sahaja** |

*Tertakluk kepada arahan semasa Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI TMN TAWAU LAMA DAN KG BATU PAYUNG, TAWAU, SABAH

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

### Aktiviti dibenarkan

- Mendapatkan bekalan makanan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan.

### Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.
- Pergerakan masuk penduduk dari luar kawasan PKPD kecuali dengan kebenaran PDRM & urusan/ aktiviti dibenarkan.

### Arahan tetap

- Subseksyen 11 (3) Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM.
- Arahan, peraturan dan SOP di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi / PBT.
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

## AKTIVITI DAN PROTOKOL

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti di dalam Kawasan PKPD | • **Pengecualian diberikan dengan kebenaran PDRM** untuk **seorang (1)** wakil dari setiap rumah/kediaman untuk keluar dari kawasan PKPD khusus untuk tujuan:<br>a) mengeluarkan duit dari mesin2 ATM / bank; dan<br>b) membeli keperluan asas.<br>• Kekerapan kebenaran keluar akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bersama PDRM.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, penduduk dibenarkan untuk keluar zon tetapi perlu mendapatkan kebenaran daripada PDRM.<br>• Semua sekolah, masjid dan rumah ibadat lain ditutup sepanjang tempoh ini.<br>• Aktiviti sosial, rekreasi dan budaya adalah tidak dibenarkan.<br>• KKM akan melakukan saringan secara bersasar kepada semua penduduk yang terlibat.<br>• Bantuan bekalan makanan kepada yang memerlukan akan ditentukan dan diagihkan oleh Kerajaan Negeri yang akan dikoordinasi oleh Pusat Kawalan Operasi Bencana Negeri. |